

Review

Ulasan Pementasan Teater *Sarah*: Paradigma dalam Persembahan

Performance Review: The Paradigm in Performing of Theatre Sarah

Mohd Amir Mohd Zahari

Malay Language and Literature Department, Faculty of Languages and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA
Corresponding author: amir.mz@fbk.upsi.edu.my

Published online: 27 December 2021

To cite this article: Mohd Amir Mohd Zahari. 2021. Ulasan pementasan teater *Sarah*: Paradigma dalam persembahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 20: 93–99. <https://doi.org/10.21315/ws2021.20.9>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/ws2021.20.9>

ABSTRACT

The first performance of Sarah was presented at the School of Art, Universiti Sains Malaysia on 16 until 18 October 2019. Sarah's script is the work of Noordin Hassan and directed by Halimi Mohamed Noh. The performance of Sarah is in-conjunction with the 90th anniversary of Malaysian National Laureate, Noordin Hassan. In critically evaluating theatre Sarah from the staging point of view, the production has achieved performance objectives, especially in terms of designing set and spectacle elements. Thus, this article further discusses Noordin Hassan's patterns of thoughts through his work as well as the actions of the director in highlighting various aspects of staging Sarah.

Keywords: analysis of author's thoughts, aspects of spectacle, acting, theatre, performing arts

ABSTRAK

Pementasan Sarah julung kalinya dipentaskan di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia pada 16 hingga 18 Oktober 2019. Naskhah Sarah merupakan karya Noordin Hassan dan diarah oleh Halimi Mohamed Noh. Pementasan Sarah ini bersempena ulang tahun ke 90 Sasterawan Negara Noordin Hassan. Bagi menilai teater Sarah secara kritikal daripada persepektif pementasan, ternyata produksi ini telah berjaya mencapai objektif persembahan terutamanya dari segi sinografinya seperti reka bentuk set serta unsur-unsur kekaguman yang dipaparkan dalam pementasan tersebut. Justeru, penulisan ini mengulas dengan lebih lanjut mengenai beberapa aspek seperti corak pemikiran Noordin Hassan melalui karyanya dan juga tindakan pengarah dalam menonjolkan beberapa aspek kelainan di dalam pementasan Sarah.

Kata kunci: analisis pemikiran penulis, aspek kekaguman, lakonan, teater, seni persembahan

PENGENALAN

Pementasan *Sarah* merupakan salah satu karya yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara ketujuh iaitu Dato' Noordin Hassan dan arahan oleh Halimi Mohamed Noh yang dipentaskan di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM). Kerjasama dan sokongan yang utuh daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dalam mempergiatkan lagi usaha bagi menjayakan pementasan Sarah ini. Pementasan telah berlangsung selama tiga hari yang bermula pada 16 hingga 18 Oktober 2019. Kehadiran penonton ke panggung yang begitu memberangsangkan turut dihadiri oleh beberapa penggiat teater tanah air, para pelajar, dan peminat teater khususnya di sekitar Pulau Pinang. Antara penggiat teater tanah air yang hadir ialah Zakaria Ariffin, Rosdeen Suboh, Mohamed Ghouse Nasuruddin, dan ramai lagi. Pementasan ini turut dijayakan oleh beberapa orang kakitangan akademik dan sokongan, serta para pelajar dari Pusat Pengajian Seni, USM.

Noordin Hassan ialah pelopor kepada penulisan surrealisme (Zakaria Ariffin 1981). Melalui pendekatan ini, ternyata beliau berjaya mewujudkan ciri-ciri *dream-like* iaitu salah satu ciri surrealisme. Semuanya seperti berada di dalam keadaan dunia bawah sedar. Tiada suatu ciri yang jelas seperti nyata dan fizik. Oleh yang demikian, ianya sangat bersesuaian untuk menolak kemunculan watak berbangsa dan beragama, serta latar masa dan tempat yang khusus. Lazimnya, Noordin Hassan seringkali menggarap absurditi dalam hasil karyanya, iaitu khusus terhadap masyarakat Melayu. Seperti mana yang kita sering lihat dalam fantastik, cerita penglipur lara, dan lagenda yang menyelitkan soal khayalan dan kecintaan. Aliran absurdisme ini yang mementingkan pendedahan yang lebih dalam terhadap kehidupan manusia yang tidak mempunyai pegangan hidup (Mana Sikana 2018).




Foto 1 Poster teater *Sarah*.

Sumber: Facebook Teater *Sarah*.



Foto 2 Persembahan *assemble*.

Sumber: Facebook Teater Sarah.

ULASAN PEMIKIRAN PENULIS

Karya Noordin Hassan seringkali mendapat tempat dalam kalangan peminat teater kerana seringkali mencabar pangaruh, penonton, dan sesiapa sahaja untuk berfikir melangkaui kebiasaan. Perkara yang diperolehi dalam hasil karya beliau adalah tentang humanisme. Naskhah Noordin Hassan lazimnya banyak menggunakan simbol dan imejan (Ani Omar et al. 2019). Karya-karya beliau membuatkan penonton terus berfikir untuk mengkaji dan meneliti persembahan secara kritikal. Namun, hal ini bergantung kepada kebijaksaaan seorang pengarah untuk mengolah atau menokok tambah beberapa aspek untuk diangkat ke atas pentas agar penonton dapat merasai keseronokan untuk menyaksikan pementasan. Adunan pengarah yang bijak dalam mementaskan naskhah *Sarah* dengan begitu baik, dapat meninggalkan kesan yang bermakna kepada penonton yang hadir. Naskhah *Sarah* merupakan sebuah skrip yang baik dan sempurna kerana padat dengan unsur-unsur dramatik—antaranya konflik, persoalan, isu terhadap watak dan perwatakan—yang membuatkan mesejnya dapat digarap oleh penonton.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang membicarakan tentang konflik dalam manusia dalam pementasan ini. Penonton perlu memberi tumpuan supaya setiap isu yang dipentaskan tidak terlepas daripada pemahaman para penonton. Oleh sebab itu, terdapat keimbangan jika drama ini sukar dinikmati oleh penonton untuk memahami jalan cerita yang disampaikan. Kebimbangan tersebut telah berjaya ditepis oleh pengarah, dan pujian harus diberikan kepada mereka kerana beberapa elemen yang baharu telah ditonjolkan di dalam pementasan tersebut. Terdapat beberapa *viewpoint* dalam persembahan, jelas kelihatan. Idea yang dikatakan kreatif dengan unsur-unsur kekaguman *spectacular* yang menarik seperti tayangan pelakon yang menjayakan satu babak dengan menggunakan pemetaan pancaran *liquid crystal display* (LCD) yang menampakkan elemen dramatik dalam persembahan. Persembahan ini juga menggabungkan muzik tradisional secara langsung yang mengiringi sepanjang pementasan, seperti alunan irungan muzik rebab, gong, dan pelbagai lagi bagi menaikkan lagi *mood* para pelakon, persembahan, dan penonton. Menurut pengarah yang ditemubual, tiada sebarang pengolahan skrip yang dilakukan oleh kerana beliau menghormati penulis karya tersebut. Selain itu, beliau menyatakan bahawa dalam setiap pementasan pada masa kini, kepuasan dan perhatian penonton perlu diutamakan untuk memberikan yang terbaik kepada penonton yang hadir. Ini dapat memberi peluang kepada penonton untuk memahami jalan cerita yang ingin disampaikan.

Setiap skrip drama bukan hanya untuk dibaca, tetapi untuk dilakonkan di atas pentas dengan penghayatan (Manu Sikana 2006). Pada peringkat ini, sebuah skrip berubah bentuk daripada tulisan kepada audio-visual dan pengarah bertanggungjawab terhadap transformasi ini. Perkara ini berdasarkan kepada ilmu, bakat, dan kreativiti, pengarah yang mengolah skrip dan mempersesembahkan karya agar para penonton terkesan secara emosi serta intelektual. Biarpun karya Noordin Hassan bersifat elitis, adalah menjadi tanggungjawab pengarah untuk menambah elemen-elemen teaterikal di atas pentas agar ianya nampak lebih segar dan dapat diterima oleh penonton.

Karya Noordin Hassan sinonim dengan teater fitrah. Apakah yang dikatakan teater fitrah? Noordin Hassan seringkali dalam karyanya menekankan mengenai persoalan jiwa manusia serta keredaan terhadap perkara yang berlaku di muka bumi ini yang menggambarkan manusia yang sedang berada di luar kesedaran dan di alam yang tidak nyata. Justeru, apabila menyentuh karya *Sarah* ini, isu yang cuba ditampilkan oleh pengarang ialah isu agama, falsafah agama, dan fardu kifayah di antara manusia dengan manusia. Ini tergolong dalam sikap dan mentaliti manusia yang menilai secara luaran tanpa selidik, ibarat kitalah tuhan yang menentukan segalanya yang baik dan jahat. Isu yang menjadi dominan dalam karya ini adalah melibatkan agama dan bangsa, iaitu Islam dan Yahudi.

Hakikatnya, tiada penulis di Malaysia yang berani mengetengahkan isu bangsa Yahudi dan agama Islam yang agak sensitif di negara kita, khususnya dan amnya bagi agama Islam. Tambahan pula, cerita ini melibatkan percintaan yang berbeza benua antara seorang wanita Yahudi bercinta dengan Syed Amir yang merupakan lelaki beragama Islam dan berbangsa Melayu. Percintaan mereka juga melalui beberapa halangan yang memaksa mereka berdua mengambil keputusan untuk berkahwin lari. Bangsa Yahudi, yang sedia maklum merupakan bangsa yang dikutuk kerana kekejaman, merampas tanah Palestin dan sehingga kini pergolakan itu masih terjadi.

Namun, penulis mengubah pendirian dan ideologi yang difikirkan, bukan semua bangsa Yahudi zalim. Sikap minoriti bangsa Yahudi ini yang cuba disampaikan oleh pengarah melalui naskahnya supaya ianya dapat membuka minda manusia agar falsafah kepada manusia dan tuhan, manusia dan alam, bukannya urusan manusia tetapi semuanya daripada Yang Maha Esa. Cinta sesama manusia besar ertinya dan itulah fitrah manusia yang ditentukan oleh Yang Maha Esa, manusia hanya mengaturkan segalanya. Itulah identiti Noordin Hassan yang mengajak penonton untuk berfikir bahawa segala yang terjadi di alam ini boleh berlaku dengan izin-Nya walau berbeza dari segi agama, bangsa, dan budaya.



Foto 3 Set Pentas yang digunakan dalam pementasan *Sarah*.

Sumber: Facebook Teater *Sarah*.



Foto 4 Keadaan set yang dipancarkan menggunakan LCD.
Sumber: Facebook Teater Sarah.



Foto 5 Persembahan *assemble* dalam teater Sarah.
Sumber: Facebook Teater Sarah.

LAKONAN YANG MENJAYAKAN PEMENTASAN SARAH

Persembahan yang ditampilkan tersusun dengan baik dari awal sehingga akhir pementasan. Pementasan dimulakan dengan *assemble* yang memakai serba putih.

Pelakon yang beraksi di atas pentas melafazkan dialog sesuai dengan watak yang dimainkan. Melihat dari persembahan yang dijayakan, para pelakon telah menjalani latihan yang cukup. Kekuatan setiap watak begitu memainkan peranan yang penting antara satu sama lain. Terdapat beberapa orang pelakon yang berjaya menarik perhatian dan memberikan lakonan yang bertenaga ketika beraksi. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan pada watak yang dijayakan oleh pelakon utama, iaitu seorang gadis Yahudi yang bernama Sarah. Kelemahannya dikesan melalui pengucapan dialog yang mendatar dan kurang jelas, tidak meninggalkan kesan dramatik, dan kurang penghayatan watak sebagai seorang gadis berbangsa Yahudi. Selain itu, watak Sarah kurang bertenaga di atas pentas, wataknya tenggelam, dan berjaya dikuasai oleh watak-watak sampingan. Namun begitu, watak Sarah bernasib baik kerana busana yang digayakan telah membantu untuk menampakkan beliau sebagai seorang gadis dari luar negara. Pujian harus diberikan kepada Sarah kerana lakonannya jujur apabila beraksi di atas pentas.

Babak awal kemunculan watak Syed Ali yang menceritakan detik-detik yang terjadi mengundang satu kepuasan dalam babak tersebut. Peranan watak Syed Ali cukup kuat di babak awal persembahan. Watak Syed Ali berjaya menghadirkan krisis pertama dan membuatkan para penonton menanti-nantikan babak yang seterusnya. Watak Syed Ali dan Syed Amir dilakonkan oleh pelakon yang sama. Justeru, pengucapan dialog panjang yang menceritakan kisah silamnya begitu memberi kesan yang dramatik dan menyentuh jiwa penonton dengan permainan emosinya. Ini membuatkan penonton terpegun dan ingin melihat kisah babak seterusnya. Aksi dan reaksi serta *moment* dibina oleh pelakon dengan baik dari sudut dramatiknya ketika beliau melafazkan dialog yang panjang. Ini membuatkan penonton rata-rata asyik menyaksikan lakonan beliau. Keberkesaan wataknya dari segi kawalan emosi dan *energy* sehingga tamat pementasan telah meninggalkan kesan kepada para penonton.

Watak sampingan telah membantu untuk menghidupkan mutu persembahan. Watak Syed Zabidi dan Silbi dilakonkan oleh orang yang sama dan kedua-dua watak ini adalah antagonis. Lakonan watak jahat telah berjaya memberikan kekusutan terhadap watak protagonis, termasuk watak Pak Ku yang juga bersubahat dalam propagandanya. Pujian harus diberikan kepada mereka yang menjayakan watak-watak sampingan kerana telah melengkapkan jalan cerita dengan baik serta berjaya mencuit hati para penonton dengan gerakan fizikal yang dilakukan bagi menambahkan lagi elemen dramatik dalam persembahan.



Foto 6 Watak Syed Ali yang sedang beraksi.
Sumber: Facebook Teater Sarah.



Foto 7 Watak sampingan yang sedang beraksi.

Sumber: Facebook Teater Sarah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, saya merasakan keseluruhan pementasan *Sarah* telah berjaya memikat hati penonton kerana bantuan dari beberapa aspek kekaguman dan set yang ditonjolkan. Garapan pengarah yang matang dalam membawa beberapa konsep pascamodenisme dengan melaksanakan penyaringan serta modifikasi beberapa aspek. Sehubungan itu, pementasan ini berjalan dengan penuh serderhana tetapi memukau dengan kebijaksanaan pengarah yang meletakkan unsur-unsur kekaguman (*spectacular*) dalam pementasan *Sarah* ini. Sinografi yang mantap telah berjaya menarik minat penonton dari awal sehingga tamat pementasan dengan menonjolkan reka bentuk set, tatacahaya yang menarik dan aspek visualisasinya. Pementasan ini tidak berlebihan dari pelbagai aspek *over do* dan tidak terlajak dalam segala hal. Ini membuktikan karya beraliran surrealisme yang menampilkan idea dan pemikirannya menerusi simbol masih lagi relevan pada masa kini dan sekaligus ia benar-benar mahu kita mendengar suara pemikiran Noordin Hassan.

RUJUKAN

- Ani Omar et al. 2019. *Drama dan teater dalam pendidikan: Pengertian, teori dan amalan*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2018. *Di atas pentas drama Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Zakaria Ariffin. 1981. *Drama Melayu moden dalam eseи*, ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.